



**PEJABAT PENDAFTAR
PERTUBUHAN BELIA**

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN BELIA

2022 - 2026



HAK CIPTA TERPELIHARA
PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN BELIA

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga, samada secara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia terlebih dahulu.

DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN BELIA
Aras 4, Blok C7, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62520 PUTRAJAYA

Telefon: 03-88810842/1284/1933

Fax: 03-88810058

Email: roy_hq@kbs.gov.my

Cetakan Pertama 2021

ISI KANDUNGAN

PENGENALAN

Latar Belakang	06
Fungsi Agensi	07
Punca Kuasa ROY	07
Visi, Misi dan Objektif ROY	08
Episod Pencegahan Rasuah di Malaysia	09
Punca Kuasa Pembangunan OACP	09
Polisi Antirasuah ROY	10
Keperluan Pembangunan OACP ROY	11-12

ISU DAN CABARAN

Isu dan Cabaran	14
Faktor yang Mempengaruhi Rasuah	15
Senario Rasuah	16
Analisis Penilaian Risiko	17
Bidang Keutamaan yang Berisiko	18
Huraian Data	19-23
Syor Daripada Hasil Analisis Soal Selidik	24

KERANGKA OACP

Penetapan Visi	26
Misi	26
Matlamat	27
Bidang Keutamaan	28
Strategi	29
Jangka Masa OACP ROY	30
Pelan Tindakan dan Inisiatif	31-34

TADBIR URUS OACP ROY

Mekanisme Pelaksanaan	36-37
Kerangka Pelaksanaan OACP ROY	38
Struktur Tadbir Urus OACP ROY	39-40
Mekanisme Penyelarasan Pemantauan dan Penilaian	41
Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan OACP ROY	42
Semakan dan Pembaharuan OACP	43

KESIMPULAN

	44
--	----

AMANAT KEPIMPINAN

Assalamualaikum W.B.T. dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi atas peluang yang diberikan kepada Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia dalam mendukung mandat YAB Perdana Menteri untuk membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP).


Pelan ini merupakan suatu dokumen yang realistik dan bersepadu untuk menangani kelemahan serta permasalahan integriti, rasuah dan governans di dalam Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) merangkumi semua bidang di dalam Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY).

Pejabat ini amat komited dalam memastikan pengurusan pentadbiran sentiasa berpegang kepada prinsip integriti, ketelusan dan akauntabiliti dalam usaha merealisasikan aspirasi nasional “Malaysia dikenali kerana integriti bukannya rasuah”. Kesepakatan dan konsistensi yang dimainkan oleh semua pihak adalah merupakan teras kejayaan dalam menerbitkan dokumen OACP Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia ini.

Atas segala usaha bersepadu dalam melaksanakan pelan ini, saya berharap agar ROY akan terus cemerlang dalam menyampaikan perkhidmatan dan menjadi tempat rujukan terbaik bagi pertubuhan belia di negara ini.


Badari bin Ag. Damit
Pendaftar Pertubuhan Belia
Kementerian Belia dan Sukan





RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Antirasuah Organisasi ROY (OACP) 2022 - 2026 ini telah dibangunkan seiring dengan komitmen Kerajaan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 bagi mencapai aspirasi agar Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah. Ia merupakan dokumen penting yang menjadi panduan untuk menangani masalah rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan salah laku dalam Kementerian.



PENGENALAN

LATAR BELAKANG PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN BELIA (ROY)

FUNGSI AGENSI

PUNCA KUASA ROY


VISI, MISI DAN OBJEKTIF ROY

EPISOD PENCEGAHAN RASUAH DI MALAYSIA

PUNCA KUASA PEMBANGUNAN OACP

POLISI ANTIRASUAH ROY

KEPERLUAN PEMBANGUNAN OACP ROY



LATAR BELAKANG


PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN BELIA (ROY)

Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 dan fungsi utamanya untuk mentadbir Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007.


Draf Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 telah dibaca buat kali pertama di Parlimen pada 12 Disember 2006 dan kali kedua pada 8 Mei 2007. Seterusnya diluluskan di Dewan Negara pada 23 Mei 2007.

Akta ini telah diwartakan pada 26 Julai 2007 dan mula berkuatkuasa pada 31 Disember 2007.

Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) telah memulakan operasi pada 1 Januari 2007.




FUNGSI AGENSI PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN BELIA (ROY)



PUNCA KUASA ROY

1. Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668)
2. Peraturan-Peraturan Pertubuhan Belia (Pendaftaran) 2007





VISI


Menjadikan Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) sebuah organisasi yang cekap, berkesan, berdedikasi dan bertanggungjawab dalam memastikan pertubuhan belia di Malaysia bergerak secara efektif, beretika dan berdaya saing.

MISI

Memastikan pengurusan dan kawal seliaan ke atas pertubuhan belia dilaksanakan secara adil, telus, efektif dan mesra belia.

OBJEKTIF


Objektif Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia ialah untuk memastikan pertubuhan belia yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 bergerak secara lebih efisien dan efektif sejajar dengan matlamat pembangunan belia serta peruntukan dalam Akta.



EPISOD PENCEGAHAN RASUAH DI MALAYSIA



2019 - 2023
Pelan Antirasuah Nasional (NACP)



2012
Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2.0



2010
Program Transformasi Kerajaan (GTP) 1.0



2004
Pelan Integriti Nasional (PIN)

PUNCA KUASA PEMBANGUNAN OACP




Perkara 5 Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Memerangi Rasuah (United Nation Convention Against Corruption – UNCAC)



Pelan Antirasuah Nasional (NACP) – Strategi 2: Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam



Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018, Siri 2 No.1 Tahun 2019 – Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional – Perkara 6 (Pengurusan OACP)



POLISI ANTIRASUAH ROY

PENCEGAHAN

Mensasarkan pendekatan toleransi sifar terhadap rasuah / zero tolerance towards corruption dalam segenap urusan. Kerja dilaksanakan dengan penuh berintegriti, akauntabiliti dan telus.

Menambahbaik sistem dan prosedur kerja agar sentiasa efektif dan efisien.

Usaha Pencegahan Rasuah berteraskan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM), Pelan Antirasuah Organisasi (OACP), Dasar-dasar serta Undang-undang yang berkuatkuasa disebar luas kepada pegawai dan kakitangan.

PENDIDIKAN


Memastikan pembudayaan, penginstitutionan dan kepentingan integriti dalam organisasi menerusi penganjuran seminar, kursus, hebahan serta pendidikan secara formal dan tidak formal.

Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa serta tadbir urus yang baik menerusi naziran oleh Jawatankuasa Fungsi Pematuhan.

PENGUATKUASAAN


Menerima, meneliti dan mengambil tindakan ke atas aduan/ maklumat salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi;

Melaporkan semua aduan berkaitan kesalahan rasuah kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).



KEPERLUAN PEMBANGUNAN OACP ROY

1. Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) adalah merupakan satu dokumen dasar antirasuah di peringkat organisasi yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan anti-rasuah dalam organisasi.
2. Kepentingan membangunkan OACP adalah sebagaimana berikut:
 - Mematuhi arahan YAB Perdana Menteri, No. 1 Tahun 2018 Siri 2 No. 1 Tahun 2019.
 - Melaksanakan dasar Kerajaan melalui inisiatif 2.1.5: mewajibkan sektor awam untuk membangunkan OACP dengan dibantu tiga (3) agensi iaitu SPRM, GIACC dan IIM yang mewajibkan pelaksanaan NACP di sektor awam dan sektor swasta di bawah inisiatif 6.2.1: mewajibkan Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs), Syarikat Terhad dengan Jaminan (CLBG) dan Sektor Swasta yang dikawal selia oleh badan-badan kawal selia untuk membangunkan OACP dengan dibantu oleh SPRM, GIACC dan IIM.
 - Memerangi rasuah di peringkat organisasi selaras dengan dasar baru yang diperkenalkan kerajaan melalui NACP.
 - Menyediakan satu platform yang sistematik dalam menangani isu rasuah dengan mekanisme pelaporan kepada pengurusan tertinggi organisasi secara berkala.
 - Mempamerkan komitmen pengurusan tertinggi organisasi dalam usaha pencegahan rasuah.
Mempamerkan komitmen pengurusan tertinggi organisasi dalam usaha pencegahan rasuah.
 - OACP perlu dirangka dengan mengambil kira pelan bagi jangkamasa lima (5) tahun dan tidak semestinya perlu seiring dengan tempoh pelaksanaan NACP.




KEPERLUAN PEMBANGUNAN OACP ROY

3. Menguatkuasakan Akta 668

Bagi menggalakkan lebih banyak persatuan belia dapat ditubuhkan di setiap komuniti dan kawasan, Kerajaan telah menggubal Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 atau dikenali sebagai Akta 668. ROY telah diberi amanah untuk melicinkan dan memperkemas sistem penyampaian dalam pembangunan belia supaya lebih berdaya maju dan aktif pada setiap masa.

Sehubungan itu, Akta 668 menjadi keperluan utama dan perkara penting yang termasuk di dalam pembangunan Pelan OACP ROY ini. Ia adalah bertujuan untuk memperkukuh dan menguatkuasakan seksyen-seksyen di dalam akta itu sendiri terutamanya daripada aspek berkaitan tabdir urus pertubuhan belia.



ISU DAN CABARAN

ISU DAN CABARAN

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI RASUAH


SENARIO RASUAH

ANALISIS PENILAIAN RISIKO ROY

BIDANG KEUTAMAAN YANG BERISIKO

HURAIAN DATA

SYOR DARIPADA HASIL ANALISIS SOAL SELIDIK




ISU DAN CABARAN

Rasuah menerusi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 [Akta 694] membawa maksud memberi atau menawarkan, menerima atau meminta atau setuju untuk menerima atau meminta suapan secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Perkara ini berlaku disebabkan oleh kesanggupan menggunakan cara yang salah untuk memaksimumkan keuntungan personal atau korporat. Rasuah juga boleh berlaku apabila terdapat godaan (temptation) dan serba boleh (permissiveness) dan apabila ketiadaan semakan institusi ke atas kuasa, proses membuat keputusan yang tidak jelas, serta apabila masyarakat awam adalah daif. Maka, adalah penting untuk mewujudkan mekanisme kawalan dan halangan sistemik bagi mencegah salah guna kuasa.

Transparency International Malaysia (TI-M) menerusi sidang media yang telah diadakan pada 28 Januari 2021 telah menyatakan bahawa kedudukan Malaysia bagi Indeks Persepsi Rasuah (CPI) bagi tahun 2020 menurun ke tangga 57 daripada 180 negara berbanding pada tangga 51 pada tahun 2019. Skor dalam CPI ditentukan berdasarkan kepada 13 tinjauan dan penilaian daripada pakar yang mengukur tahap persepsi rasuah dalam sektor awam negara.

Pada masa yang sama, sebagai jentera Kerajaan yang melaksanakan segala dasar dan keputusan Kerajaan, ROY perlu berusaha memastikan penyampaian perkhidmatan yang berintegriti dan mengutamakan kepentingan rakyat. Namun, cabaran-cabaran berikut secara tidak langsung menjejaskan penyampaian perkhidmatan serta imej perkhidmatan awam, kementerian serta jabatan.



FAKTOR YANG MEMPENGARUHI RASUAH

KEINGINAN

Rasuah adalah dilarang oleh mana-mana agama dan undang-undang, tetapi dilakukan juga dengan seribu satu alasan peribadi. Hal ini termasuk dalam teori “Technique of Neutralization” oleh Grisham Sykes dan David Matza. Mereka mengatakan, “Lakukan rasuah secara rahsia asalkan tiada siapa yang tahu”. Keinginan yang melebihi kemampuan dalam mengejar kemewahan dan ingin cepat kaya adalah pendorong berlakunya rasuah bagi mereka yang lemah keperibadiannya.


TAMAK

Sikap tamak merupakan perosak utama nilai integriti kerana keinginan memiliki sesuatu tanpa batasan dan berasa tidak cukup mendorong seseorang itu melakukan rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa, merampas, menipu dan seumpamanya tanpa mempedulikan halal dan haram. Sikap tamak agak sukar dibendung kerana ia berkaitan dengan sifat-sifat semula jadi dengan

keinginan. Hanya didikan kerohanian yang berterusan dapat mengawal peribadi dan tingkah laku seseorang dalam menjalani kehidupan seharian khususnya ketika memikul amanah sebagai penjawat awam.

RUANG DAN PELUANG

Ruang dan peluang adalah faktor luaran yang boleh menyebabkan berlakunya amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Elemen tadbir urus dan kawalan dalaman yang lemah dalam organisasi akan membuka ruang dan peluang kepada mana-mana individu yang mempunyai keinginan yang tinggi dan sifat tamak untuk melakukan perbuatan yang tidak beretika ketika menjalankan tugas. Dalam konteks ruang dan peluang inilah OACP dibangunkan untuk menambah baik sistem tadbir urus sedia ada dan langkah-langkah kawalan dalaman berdasarkan penilaian risiko rasuah yang dibuat melalui bengkel Pengurusan Risiko Rasuah (CRM).



SENARIO RASUAH

01

Sikap tidak ambil peduli dan penghayatan dalam amalan etika kerja.

02

Kawalan dalaman yang kurang efisien.

03


Ketidakpatuhan / tiada SOP kerja.

04

Tindakan punitif yang tidak diambil iktibar.


05

Persepsi negatif terhadap pembudayaan integriti.



ANALISIS PENILAIAN RISIKO ROY





BIDANG KEUTAMAAN YANG BERISIKO

PENGUATKUASAAN AKTA


ROY komited dalam menguatkuasakan akta bagi memastikan hak pertubuhan belia dilindungi. Aktiviti penguatkuasaan dilihat lebih terdedah dengan ruang dan peluang kepada salah laku dan gejala rasuah. Prosedur kerja penguatkuasaan hendaklah kerap dikaji semula bagi mewujudkan mekanisme baru dalam menjalankan tugas penguatkuasaan.

PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

Penyampaian perkhidmatan awam adalah faktor penting yang mencerminkan imej jabatan. Asas bagi sektor pentadbiran awam terletak pada fungsi teras jabatan untuk memastikan pelanggan pada umumnya menikmati hak mereka melalui penyampaian perkhidmatan yang disediakan.

PEROLEHAN AWAM

Perolehan Awam adalah merupakan satu proses pengurusan di sesebuah kementerian / jabatan / agensi. ROY juga tidak terkecuali dalam proses ini yang mana perbelanjaan melibatkan wang Kerajaan perlu diteliti supaya tiada pembaziran dan ketirisan.




HURAIAN DATA

Dalam mendapatkan data sehinggalah penghasilan rumusan yang relevan bagi sesuatu kajian atau penyelidikan, terdapat beberapa instrumen kajian yang boleh digunapakai antaranya seperti kaedah pemerhatian (Survey), soal selidik (Questionair), temubual (Interview), ujian (Test) dan dokumen (Document). Sehubungan itu, pihak urus setia OACP ROY memilih untuk menggunakan kaedah soal selidik kerana ia didapati lebih efektif dan praktikal untuk kajian ini berbanding kaedah-kaedah lain.

Borang soal selidik diedarkan kepada setiap pegawai ROY dan diberikan masa 14 hari untuk menjawab dan mengemukakan semula kertas soal selidik tersebut kepada urus setia OACP ROY di ibu pejabat.

Proses yang dijalankan adalah bertujuan untuk mendapatkan persepsi responden secara jujur terhadap isu rasuah, governans, integriti serta tindakan punitif dan tindakan dalaman di Agensi ini.

Analisa data yang dijalankan adalah memfokuskan kepada tiga soalan popular yang berkait rapat dengan setiap isu yang dibincangkan dalam OACP ini.




HURAIAN DATA

Rajah 1 menunjukkan, sebanyak 70% responden menjawab “ya” bahawa jawatan mereka sekarang terlibat secara langsung dengan orang awam/ pemegang taruh (stakeholders) yang lain kerana kedudukan mereka terdedah untuk menerima sogokkan bagi memudahkan serta mempercepatkan proses kelulusan pendaftaran/ pindaan perlembagaan dan status lengkap penghantaran MYKD. Seterusnya, sebanyak 65% responden menjawab “tidak” bahawa jawatan dan fungsi mereka sekarang terdedah kepada ruang dan peluang berlakunya kesalahan rasuah.

Akhir sekali, graf menerangkan terdapat sebanyak 70% peratus responden menjawab “ya” bahawa selain daripada memberi dan menerima rasuah, tuntutan palsu juga merupakan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM 2009). Ini kerana mereka mengambil cakna dan mempunyai kesedaran mengenai kesan memberi serta mengambil rasuah menerusi media massa, artikel dan sebagainya.

RAJAH 1: PERATUSAN PERSOALAN BERKAITAN ISU RASUAH







HURAIAN DATA

Rajah 2 menerangkan, sebanyak 59% responden menjawab “tidak” bahawa organisasi mereka mengamalkan prosedur kerja yang merupakan amalan turun temurun dan bukan merupakan undang-undang, polisi & dasar, peraturan, pekeliling, arahan, perintah tetap, garis panduan, standard operating procedure (SOP) dan senarai tugas yang ditetapkan. Seterusnya, terdapat sebanyak 82% responden menjawab “ya” bahawa pihak atasan organisasi mereka ada membuat penambahbaikan terhadap undang-undang, polisi & dasar, peraturan, pekeliling, arahan, perintah tetap, garis panduan, standard operating procedure dan senarai tugas yang tidak dapat dipatuhi dalam melaksanakan tugas. Akhir sekali, sebanyak 88% responden menjawab “ya” bahawa tindakan yang diambil oleh pihak atasan dapat menyelesaikan ketidakpatuhan terhadap undang-undang, polisi & dasar, peraturan, pekeliling, arahan, perintah tetap, garis panduan, standard operating procedure dan senarai tugas tersebut kerana mereka yakin bahawa tindakan yang diambil oleh pihak atasan adalah berpandukan serta merujuk kepada peraturan dan pekeliling perkhidmatan yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan.

RAJAH 2: PERATUSAN PERSOALAN BERKAITAN ISU GOVERNANS







HURAIAN DATA

Rajah 3 menjelaskan, terdapat sebanyak 97% responden menjawab “ya” bahawa mereka tahu dan faham maksud integriti. Ia menunjukkan bahawa responden mempunyai kesedaran mengenai integriti dan membuat bacaan melalui saluran media massa dan media sosial. Seterusnya, sebanyak 97% peratus responden menjawab “ya” bahawa mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan jujur dan amanah walaupun tiada orang yang melihat kerana mereka telah memahami dan menghayati erti sebenar integriti. Akhir sekali, graf menunjukkan sebanyak 97% daripada responden menjawab “ya” bahawa mereka sama sekali tidak akan berkompromi dengan tindakan yang melanggar peraturan atau garis panduan yang ditetapkan kerana jika tidak, ia akan memberi ruang untuk melakukan kesalahan dan sekali gus menjadi amalan dan kebiasaan pada masa akan datang.

RAJAH 3: PERATUSAN PERSOALAN BERKAITAN ISU INTEGRITI







HURAIAN DATA

Rajah 4 memaparkan, sebanyak 88% responden menjawab “ya” bahawa majikan mereka mengambil tindakan tatatertib ke atas pegawai yang melakukan kesalahan tata kelakuan kerana ia akan menjadi pengajaran kepada pegawai berkenaan serta pegawai lain supaya tidak mengulanginya lagi. Seterusnya, sebanyak 88% daripada responden menjawab “ya” bahawa organisasi mereka mengamalkan tadbir urus yang baik kerana Ketua Jabatan sentiasa bertanggungjawab memastikan sistem tadbir urus Jabatan ini berada dalam kawalan dan piawaian yang telah ditetapkan. Akhir sekali, graf menjelaskan pendapat responden menjawab “ya” bahawa kawalan sedia ada (Akta berkaitan, senarai tugas, perintah tetap, garis panduan, standard operation procedure (SOP) dan lain-lain proses) di organisasi ini mencukupi bagi mengatasi masalah rasuah, governans dan integriti iaitu sebanyak 79%.

RAJAH 4: PERATUSAN PERSOALAN BERKAITAN ISU TINDAKAN PUNITIF & KAWALAN DALAMAN





SYOR DARIPADA HASIL ANALISIS SOAL SELIDIK

Hasil daripada analisis tersebut berikut merupakan syor sebagai langkah penambahbaikan bagi mencapai bilangan maksimum di kalangan pegawai dan kakitangan ROY mengenai pemahaman serta pematuhan terhadap kesemua elemen tersebut pada masa akan datang.



ISU RASUAH

ISU RASUAH
Menganjurkan Program/ Kursus/ Seminar Anti-Rasuah kepada para pegawai peringkat organisasi mahupun agensi-agensi di bawah KBS dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Ia perlu kerana ROY kini mempunyai ramai pegawai baru supaya mereka faham akan definisi rasuah, elemen-elemen rasuah, hukuman dan impaknya.



ISU GOVERNANS

ISU GOVERNANS
Memastikan pegawai dan kakitangan ROY mematuhi standard operating procedures (SOP) dan senarai tugas yang ditetapkan. Pegawai dan kakitangan dibekalkan maklumat dan pekeliling perkhidmatan terkini sebagai garis panduan.




ISU INTEGRITI

ISU INTEGRITI
Menganjurkan Program/ Kursus/ Seminar Integriti dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (IIM) peringkat organisasi. Ketua Jabatan juga boleh menggalakkan para pegawai supaya melibatkan diri dalam apa jua aktiviti/ program/ kursus berkaitan integriti yang dianjurkan oleh mana-mana kementerian dan jabatan kerajaan.



ISU TINDAKAN PUNITIF & KAWALAN DALAMAN

ISU TINDAKAN PUNITIF & KAWALAN DALAMAN
Menghantar para pegawai yang mempunyai masalah tatakelakuan dan telah menunjukkan kecenderungan untuk melakukan kesalahan tata tertib yang lebih kerap/ serius kepada kursus-kursus berkaitan tata tertib sebagai langkah pemulihan oleh Ketua Jabatan. Mereka juga boleh dirujuk kepada kaunselor Kementerian ataupun Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).



KERANGKA OACP ROY

PENETAPAN VISI

MISI


MATLAMAT

BIDANG KEUTAMAAN

STRATEGI

JANGKA MASA OACP ROY

PELAN TINDAKAN DAN INISIATIF



PENETAPAN VISI

Melahirkan Warga ROY Yang Bebas Rasuah dan Salah Laku

Memastikan warga ROY mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh serta meningkatkan tahap integriti yang tinggi dalam membendung salah laku dan jenayah rasuah serta pelanggaran tata kelakuan seiring dengan etika organisasi.


MISI

ROY menetapkan 2 misi untuk dijayakan dalam perancangan OACP bagi tempoh 5 tahun. Misi ini adalah selaras dengan Visi yang telah diputuskan bagi menjayakan OACP ROY 2022 – 2026 iaitu:

- 1. Memperkukuh Governan, Integriti dan Antirasuah Warga ROY Melalui Pematuhan Terhadap Undang-undang, Peraturan dan Arahan Yang Berkuatkuasa**
- 2. Meningkatkan Kecekapan Ketelusan dan Akauntabiliti Berasaskan Tadbir Urus Baik dan Membudayakan Amalan Nilai Murni dalam Kalangan Warga ROY.**

Memastikan ROY dapat mengendalikan hal ehwal pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan secara cekap, bebas rasuah serta responsif terhadap kehendak pelanggan berlandaskan prinsip ketelusan, integriti dan kebertanggungjawaban.

Nilai murni meliputi pelbagai ruang lingkup dengan pengamalan nilai murni semasa pelaksanaan tugas bagi warga ROY adalah amat dititikberatkan. Pengamalan nilai murni di organisasi akan sentiasa diperbaiki supaya dapat meningkatkan kecekapan dan ketelusan dalam tadbir urus. Pencapaian misi ini akan dapat menyokong visi OACP dalam melahirkan warga ROY yang berintegriti khususnya.



MATLAMAT




Meminimumkan salah laku yang melibatkan integriti dan rasuah dalam kalangan warga ROY dengan menyediakan alternatif.



Menyediakan hala tuju dan bimbingan kepada warga ROY supaya dapat mewujudkan suasana kerja yang mementingkan semangat berpasukan, harmoni, berintegriti, bermoral, beretika serta mempunyai minda kelas pertama.



Penambahbaikan berterusan dan kesedaran awam berhubung penyampaian perkhidmatan ROY demi kesejahteraan dan kemakmuran bersama.




BIDANG KEUTAMAAN

Melahirkan Warga ROY yang Bebas Rasuah dan Salah Laku

Memastikan warga ROY mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh serta meningkatkan tahap integriti yang tinggi dalam membendung salah laku dan jenayah rasuah serta pelanggaran tata kelakuan seiring dengan etika organisasi.

BIDANG KEUTAMAAN	OBJEKTIF STRATEGI	PELAN TINDAKAN / INISIATIF
Penguatkuasaan Akta	2	7
Pentadbiran Sektor Awam	2	7
Perolehan Awam	1	3
JUMLAH	5	17



STRATEGI



Menambahbaik
perkhidmatan dan
profesionalisme
penguatkuasaan
Akta

1




Memperkukuhkan
K e c e k a p a n
P e n y a m p a i a n
P e r k h i d m a t a n
A w a m


2


Mempertingkatkan
Keberkesanan &
K e t e l u s a n
P e r o l e h a n A w a m

3



JANGKA MASA OACP ROY






PELAN TINDAKAN DAN INISIATIF

Bidang Keutamaan : Penguatkuasaan Akta
Strategi 1 : Menambahbaik Perkhidmatan dan Profesionalisme Penguatkuasaan Akta
Objektif Strategik 1.1 : Meningkatkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan dan Pengamalan Professionalisme Penguatkuasaan Akta 668

INISIATIF	UNIT PENERAJU	TEMPOH MASA
Meningkatkan pengurusan tadbir urus dalam sistem kawalan dalaman seperti menghadkan akses maklumat terperingkat kepada pegawai tertentu	Pentadbiran	1 Tahun (Jan 2022 – Dis 2022)
Membangunkan polisi larangan membocorkan maklumat profil atau data terperinci Pertubuhan kepada pihak luar.	Integriti	1 Tahun (Jan 2022 – Dis 2022)
Melaksanakan program pembangunan tadbir urus pertubuhan dan bengkel kecekapan pengurusan Maklumat Yang Kena Diberi (MYKD).	Integriti	1 Tahun (Jan 2022 – Dis 2022)
Menganjurkan kursus dan latihan fungsional terhadap kefahaman dan kesedaran Akta 668, peraturan, SOP dan garis panduan	Ketua Penolong Pendaftar	1 Tahun (Jan 2023 – Dis 2023)
Melaksanakan kajian dan semakan semula terhadap SOP / garis panduan berkaitan pengendalian aduan, kertas siasatan dan apa-apa prosedur kelulusan.	Ketua Penolong Pendaftar	2 Tahun Jan 2022 – Dis 2023)




PELAN TINDAKAN DAN INISIATIF

Bidang Keutamaan : Penguatkuasaan Akta
Strategi 1 : Menambahbaik Perkhidmatan dan Profesionalisme Penguatkuasaan Akta
Objektif Strategik 1.2 : Menambahbaik Sistem Perundangan Agensi Penguatkuasaan Undang-undang / Akta

INISIATIF	UNIT PENERAJU	TEMPOH MASA
Melaksanakan semakan semula dan penambahbaikan peruntukan / fasal di bawah Akta 668 di bawah bidang kuasa Pendaftar.	Pendaftar	5 Tahun (Jan 2022 – Dis 2026)
Mengadakan latihan peningkatan kompetensi dan kecekapan pelaksanaan undang-undang / akta.	Ketua Penolong Pendaftar	3 Tahun (Jan 2024 – Dis 2026)

Bidang Keutamaan : Pentadbiran Sektor Awam
Strategi 2 : Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam
Objektif Strategik 2.1 : Menambahbaik Tatacara Perkhidmatan dan Pengurusan yang Lebih Efektif


INISIATIF	UNIT PENERAJU	TEMPOH MASA
Melakukan semakan semula terhadap proses pemantauan dan penilaian yang melibatkan tatacara / SOP kewangan dan keselamatan.	Integriti, Pentadbiran	1 Tahun (Jan 2023 – Dis 2023)
Membangunkan sistem atau polisi tatacara berkenaan pengurusan dokumen.	Pentadbiran, Ketua Penolong Pendaftar	2 Tahun (Jan 2024 – Dis 2025)



PELAN TINDAKAN DAN INISIATIF

- Bidang Keutamaan** : Pentadbiran Sektor Awam
Strategi 2 : Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam
Objektif Strategik 2.2 : Meningkatkan Profesionalisme Warga Roy Menerusi Pembangunan Sumber Manusia, Pemupukan Nilai Serta Program Intervensi

INISIATIF	UNIT PENERAJU	TEMPOH MASA
Melaksanakan kursus / latihan pembangunan / kecekapan pengurusan kepada pegawai dan kakitangan	Pentadbiran	1 Tahun (Jan 2023 – Dis 2025)
Menguatkuasakan pusingan kerja selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004.	Pendaftar	3 Tahun (Jan 2024 – Dis 2026)
Pelaksanaan Ikrar Bebas Rasuah kepada warga ROY dipelbagai peringkat.	Pentadbiran	1 Tahun (Jan 2022 – Dis 2022)
Mengadakan kursus / seminar integriti dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia.	Integriti	2 Tahun (Jan 2023 – Dis 2024)
Mengadakan seminar kesedaran Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.	Pentadbiran	2 Tahun (Jan 2023 – Dis 2024)




PELAN TINDAKAN DAN INISIATIF

Bidang Keutamaan : Perolehan Awam

Strategi 3 : Meningkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam dan Pengurusan Kewangan

Objektif Strategik 3.1 : Meningkatkan Ketelusan Perolehan Awam dan Pengurusan Kewangan

INISIATIF	UNIT PENERAJU	TEMPOH MASA
Memperkasakan penggunaan pengurusan sistem e-perolehan dan mengambil tindakan tegas terhadap pelanggaran tatacara kerja berkaitan perolehan.	Pentadbiran	1 Tahun (Jan 2023 – Dis 2023)
Memastikan pegawai mempunyai pengetahuan yang baik berkaitan Arahan Perbendaharaan.	Pentadbiran	1 Tahun (Jan 2022 – Dis 2022)
Melaksanakan latihan / kursus pengurusan kewangan bersama AKPK.	Pentadbiran	2 Tahun Jan 2025 – Dis 2026)




TADBIR URUS OACP ROY

MEKANISME PELAKSANAAN

KERANGKA PELAKSANAAN OACP ROY


STRUKTUR TADBIR URUS OACP ROY

MEKANISME PEMANTAUAN DAN PENILAIAN




MEKANISME PELAKSANAAN

Pelaksanaan OACP ROY dibuat secara holistik melibatkan pihak Pengurusan dan seluruh warga ROY di ibu pejabat dan zon. Struktur tadbir urus OACP ROY adalah sebagaimana berikut:




Ketiga - tiga tahap ini memberi tumpuan kepada tugas-tugas seperti penilaian rasuah, pengabsahan dasar dan penyelesaian, pelaksanaan program dan aktiviti serta pemantauan dan penilaian prestasi.



MEKANISME PELAKSANAAN


Pengurusan Tertinggi ROY hendaklah memastikan kebolehlaksanaan OACP di jabatan diperkukuhkan dengan tindakan berikut:

- 1 Mengkoordinasikan, memantau, menilai dan melaporkan pencapaian OACP.
- 2 Memastikan setiap pelan tindakan dilaksanakan mengikut tempoh sasaran yang ditetapkan.
- 3 Membentangkan Laporan Pencapaian OACP dalam Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) peringkat Jabatan.



KERANGKA PELAKSANAAN OACP






STRUKTUR TADBIR URUS OACP

JAWATANKUASA ANTIRASUAH (JAR) ROY

Pengerusi ;
*Pendaftar
Keahlian ;
Timbalan Pendaftar
Ketua Penolong Pendaftar (D)
Ketua Penolong Pendaftar (P)
Penolong Pendaftar Kanan (D)
Penolong Pendaftar Kanan (P)
Pegawai Pendaftar (P)

- Melantik Desk Officer tetap bagi memantau pelaksanaan pelan tindakan.
- Melaksanakan program-program berkaitan yang telah ditetapkan dan membuat pemantauan.
- Mengenalpasti penyelesaian terbaik.
- Mengemukakan laporan pelaksanaan OACP bagi separuh tahun dan laporan penuh pencapaian kepada Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan




STRUKTUR TADBIR URUS OACP

UNIT INTEGRITI SEBAGAI URUSETIA

Menilai Prestasi tahunan dan keberkesanan inisiatif yang dilaksanakan melalui laporan pemantauan

- Memantau prestasi pelaksanaan inisiatif.
- Mendapatkan penjelasan daripada pihak pelaksana.
- Menyediakan laporan ringkas separuh tahun dan laporan penuh pencapaian.
- Memperakukan laporan prestasi untuk dikemukakan kepada JAR Kementerian.
- Mengesyorkan dasar.



MEKANISME PENYELARASAN PEMANTAUAN DAN PENILAIAN



Pemantauan

- Menjelaskan objektif program
- Memadankan aktiviti dan sumber dengan objektif.
- Menterjemahkan objektif ke dalam indikator prestasi dan sasaran.
- Membandingkan keputusan sebenar dengan sasaran.


Melaporkan kemajuan kepada pemegang taruh dan memaklumkan tentang sebarang permasalahan.

PENYELARASAN



Penilaian

- Mengenalpasti kekuatan dan kelemahan setiap aktiviti.
- Menilai sama ada aktiviti yang menyokong strategi tersebut berorientasikan matlamat yang dicapai.
- Memastikan bahawa aktiviti dilaksanakan sebagaimana yang dirancang.
- Memberikan maklum balas yang bersesuaian berdasarkan situasi apabila diperlukan.



JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN OACP ROY

JAWATANKUASA ANTIRASUAH (JAR) ROY

Menasihati dan memberi arahan untuk memastikan kemampanan OACP

URUSETIA

Menyediakan laporan ringkas dan analisis

Mesyuarat dwi tahunan

Penilaian kuantitatif dan kualitatif semua inisiatif

Memantau prestasi pelaksanaan inisiatif


PENERAJU PELAN TINDAKAN

Mengemukakan laporan setiap separuh tahun kepada UI

Memantau dan mendapatkan penjelasan daripada pelaksana OACP

Menyediakan Laporan Ringkas Separuh Tahun dan Laporan Penuh Pencapaian OACP mengikut template yang ditetapkan


Memperakukan Laporan Prestasi OACP untuk dikemukakan kepada JAR



SEMAKAN DAN PEMBAHARUAN OACP

Penilaian dan semakan semula terhadap keberkesanan OACP hendaklah dilaksanakan pada setiap tahun sekali bagi memastikan Strategi dan Pelan Tindakan yang dirangka berjaya menangani permasalahan yang timbul.

Tindakan pembaharuan OACP hendaklah dilaksanakan pada akhir tempoh pelan (5 tahun) dan hendaklah dikeluarkan pada tahun berikutnya.



KESIMPULAN

Dalam usaha membanteras jenayah rasuah dan salah laku, ROY komited dan bersatu hati agar strategi serta inisiatif yang telah diatur dapat dilaksanakan. Bidang berisiko yang telah dikenal pasti dan diharapkan agar menjelang tahun 2026, ROY mencapai serta mengekalkan prestasi yang cemerlang dan dikenali kerana integritinya.

Melalui strategi dan pendekatan yang direncanakan menerusi pelan ini, pembudayaan, penghayatan serta pengukuhan terhadap nilai-nilai integriti akan dapat dipertingkatkan, yang akhirnya dapat menghasilkan warga ROY yang mempunyai rasa tanggungjawab dan mengamalkan prinsip-prinsip integriti dalam segenap aspek kehidupan. Diharapkan agar setiap usaha dan komitmen daripada Cawangan/ Unit/ Zon perlu diselaraskan dengan berkesan dan tersusun agar agenda integriti ROY menjadi satu tindakan yang holistik di setiap peringkat organisasi.

Justeru, dengan adanya Pelan Anti - Rasuah Organisasi (OACP) ROY, penghayatan terhadap nilai integriti akan terus dapat dipupuk di peringkat organisasi dan warga ROY khususnya. Dalam masa yang sama, aspek tadbir urus serta sistem penyampaian perkhidmatan jabatan dapat ditambah baik berdasarkan persekitaran dan dasar baharu.

PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN BELIA
Aras 4, Blok C7, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62520 PUTRAJAYA

Telefon: 03-88810842/1284/1933

Fax: 03-88810058

Email: roy_hq@kbs.gov.my